

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR.S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]
TARIKH : 19 MAC 2015
SOALAN :

YB Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- (a) jumlah doktor pakar onkologi setakat tahun 2014 dan apakah nisbah yang terkini bagi doktor pakar ini terhadap pesakit; dan
- (b) apakah rancangan mahupun pelan yang dirangka oleh Kementerian dalam menambah pakar onkologi berikutan dengan penambahan pesakit kanser mencecah 37,000 kes baru saban tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Anggaran nisbah Pakar Onkologi terhadap pesakit adalah 1 kepada 430. Perkhidmatan Onkologi yang diberikan kepada pesakit di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) disediakan secara bersepadu oleh pakar dalam pelbagai disiplin dan tidak semestinya oleh pakar perubatan onkologi sahaja. Sebagai contoh, Pakar Ortopedik yang merawat pesakit kanser tulang dan Pakar Sakit Puan yang merawat kanser rahim boleh memberikan Perkhidmatan Onkologi.

KKM memang prihatin dan sentiasa berusaha serta mengambil pelbagai langkah untuk menambahkan lagi bilangan doktor pakar termasuklah dalam bidang penyakit kronik. Dimaklumkan bahawa tiada negara di dunia yang mempunyai bilangan pakar yang mencukupi bagi memenuhi keperluan negara masing-masing.

Antara usaha Kerajaan bagi mengatasi kekurangan doktor pakar adalah menerusi:

- i. Pengambilan pakar warganegara asing secara kontrak;
- ii. Pelantikan semula pakar KKM yang telah bersara wajib secara kontrak;
- iii. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sesional; dan
- iv. Menggalakkan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

Selain itu, Kerajaan telah meningkatkan bilangan biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan yang ditawarkan kepada pegawai perubatan untuk mengikuti latihan dalam bidang kepakaran di universiti tempatan, iaitu

daripada 450 bilangan biasiswa pada sekitar tahun 2002 kepada 600 biasiswa pada tahun 2008, seterusnya kepada 800 biasiswa pada tahun 2010 dan ditingkatkan kepada 1,000 biasiswa mulai tahun 2013.

Kerajaan juga meningkatkan peluang mengikuti latihan kepakaran, dengan melalui program komplementari, iaitu *Membership Programme* yang merupakan program latihan kepakaran luar negara tetapi latihan dan peperiksaan boleh diikuti sama ada sebahagiannya atau keseluruhannya dalam negara.

Selain dari latihan dalam negara, Kerajaan juga menyediakan peluang untuk pegawai perubatan mengikuti latihan di luar negara. Manakala bagi latihan subkepakaran, bilangan biasiswa yang disediakan juga telah meningkat daripada 35 biasiswa pada tahun 2002 kepada 150 semenjak tahun 2011.